



SUK.D200(06)600/9/Jld 15 (9)

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

---

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI  
BILANGAN 4 TAHUN 2020

---

BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 4 Tahun 2020 bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa **mulai 1 April 2019**.
3. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web [www.kelantan.gov.my](http://www.kelantan.gov.my).

“RAJA BERDAULAT RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Orenn".

DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, *D.P.S.K. (Kelantan)*

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
**KOTA DARULNAIM**

Bertarikh : 11 Syaaban 1441H bersamaan  
5 April 2020

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri  
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Bahagian/Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

s.k : Ketua Penolong Pengarah (PSM)  
Penolong Pengarah (Perkhidmatan)  
Penolong Pengarah (Prestasi & Kaunseling)  
Penolong Pengarah (Latihan & Kompetensi)  
Pegawai Psikologi  
Penolong Pegawai Tadbir (Pembangunan Organisasi)  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
Penolong Pegawai Tadbir (Perkhidmatan)  
Penolong Pegawai Tadbir (Prestasi & Kaunseling)  
Penolong Pegawai Tadbir (Latihan & Kompetensi)  
Ketua Pembantu Tadbir (Pengurusan)  
Ketua Pembantu Tadbir (Prestasi & Kaunseling)



## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

---

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 4 TAHUN 2020

---

#### BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN

#### 1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan mengenai persetujuan menerima pakai **Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 2 Tahun 2019 Bayaran Insentif Tugas Kewangan** kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang menjalankan tugas pengurusan kewangan sepenuh masa.

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan inisiatif untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, peraturan dan syarat pemberian BITK diperkemas dan digabungkan ke dalam satu pekeliling perkhidmatan supaya pemberian BITK dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur serta memudahkan rujukan.
- 2.2 Pada masa ini terdapat dua pekeliling perkhidmatan yang menggariskan pemberian BITK yang diberi sebagai unsur galakan untuk meningkatkan

kecekapan dan kemahiran pegawai dalam bidang tugas pengurusan kewangan. Pekeliling perkhidmatan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999; dan
- (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2001.

### 3. TAFSIRAN

#### 3.1. Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan ini:

**'Ketua Jabatan'** bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi atau agensi dan termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi kementerian, jabatan, institusi atau agensi untuk bertindak bagi pihaknya.

**'Pegawai Pengawal'** bermaksud pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri di bawah seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam anggaran, bagi mengawal, tertakluk kepada sebarang arahan yang ditujukan oleh pihak penguat kuasa kewangan, perbelanjaan yang dikuatkuasakan di bawah tujuan itu, dan termasuk semua tanggungjawab Pegawai Perakaunan.

**'Pejabat Kecil'** bermaksud unit di sesuatu jabatan sama ada di peringkat negeri, wilayah, daerah, stesen atau istilah lain yang digunakan bagi unit yang berkenaan di mana lokasi unit tersebut wujud secara bersendirian. Perjawatan unit ini adalah berdasarkan pengoptimuman sumber manusia sedia ada yang memerlukan kemahiran *multi-tasking* atau/ dan *multi-skilling*.

‘Tugas Pengurusan Kewangan’ bermaksud mana-mana tugas yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia meliputi pengurusan dan kawalan belanjawan, pengurusan kewangan am, pengurusan terimaan, pengurusan perolehan Kerajaan, pengurusan bayaran emolumen, pengurusan pembayaran dan pengurusan akaun seperti di **Lampiran A**.

#### 4. KELAYAKAN

- 4.1. Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menjalankan tugas pengurusan kewangan sepenuh masa adalah layak dibayar BITK.
- 4.2 Pegawai-pegawai selain di perenggan 4.1, boleh diberi pertimbangan khas oleh Pegawai Pengawal untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan dan layak dibayar BITK. Pegawai-pegawai tersebut adalah seperti yang berikut:
  - (i) pegawai dalam skim perkhidmatan lain di Gred 28 dan ke bawah dengan syarat jawatan tersebut telah ditetapkan untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan **sepenuh masa** tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan; dan
  - (ii) seorang pegawai dalam skim perkhidmatan lain (**iaitu Pewujudan perjawatan Pembantu Akauntan, Pembantu Tadbir (Kewangan) dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)** di pejabat kecil tersebut adalah tidak ekonomik) di Gred 28 dan ke bawah yang ditempatkan bertugas di **pejabat kecil** dengan syarat jawatan tersebut telah ditetapkan untuk menjalankan tugas dalam bidang pengurusan kewangan selain menjalankan tugas hakikinya.

## **5. KADAR**

5.1 Kadar BITK ialah seperti yang berikut:

- (i) **RM40.00 sebulan** kepada pegawai yang belum lulus peperiksaan kewangan yang dikendalikan oleh JANM atau tiada kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan; dan
- (ii) **RM80.00 sebulan** kepada pegawai yang telah lulus peperiksaan kewangan yang dikendalikan oleh JANM atau memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan.

## **6. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN**

6.1 Pegawai yang layak dibayar BITK adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang berikut:

- (i) bagi pegawai-pegawai di perenggan 4.1, BITK dibayar mulai tarikh penempatan pegawai di jawatan yang melaksanakan tugas pengurusan kewangan sepenuh masa;
- (ii) bagi pegawai-pegawai di perenggan 4.2, BITK dibayar mulai tarikh pegawai diarah menjalankan tugas pengurusan kewangan; dan
- (iii) bagi keadaan di perenggan 5.1 (ii):

- (a) pegawai yang telah memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan semasa dilantik, layak dibayar BITK pada kadar RM80.00 sebulan mulai tarikh pegawai diarah menjalankan tugas pengurusan kewangan;
- (b) pegawai yang lulus peperiksaan kewangan yang dikendalikan oleh JANM, layak dibayar BITK pada kadar RM80.00 sebulan pada bulan berikutnya setelah tarikh keputusan peperiksaan tersebut dikeluarkan; dan
- (c) pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan dan kemudiannya memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan, layak dibayar BITK pada kadar RM80.00 sebulan pada bulan berikutnya setelah memiliki kelayakan akademik tersebut.

6.2 Pembayaran BITK akan **terhenti**, mulai hari pertama, apabila pegawai berada dalam keadaan seperti yang berikut:

- (i) Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji)
- (ii) Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji)
- (iii) Kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;

- (iv) Cuti Rehat yang tempohnya melebihi 28 hari berturut turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
  - (v) Cuti selain daripada Cuti Rehat, yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
  - (vi) Kombinasi mana-mana jenis cuti yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja tanpa kebenaran; atau
  - (vii) Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut.
- 6.3 Pembayaran BITK hendaklah dibuat secara pro rata (*proportionate*) dalam keadaan di mana tempoh perkhidmatan pegawai tidak genap satu (1) bulan kalendar. Kaedah pengiraan BITK secara pro rata (*proportionate*) adalah seperti yang berikut:

Bilangan Hari Menjalankan Tugas	X	Kadar BITK (RM sebulan)
Bilangan Hari Dalam Bulan Berkenaan		

- 6.4 Pembayaran BITK adalah menjadi tanggungjawab jabatan di mana pegawai ditempatkan. Sekiranya BITK ini belum dibayar oleh jabatan asal bagi tempoh sebelum pegawai bertukar ke jabatan baharu, bayaran dalam tempoh tersebut hendaklah dibuat oleh jabatan asal.

## **7. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

7.1 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan urusan pembayaran dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta memenuhi pemberian BITK dan kewangan semasa.

## **8. PEMBATALAN**

8.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2001 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil.3 Tahun 2001 adalah dibatalkan.

## **9. TARIKH KUAT KUASA**

9.1 Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 April 2019**.

Sekian, terima kasih

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**



**(DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN TENGKU JAAFAR, D.P.S.K(Kelantan))**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

Bertarikh:

Kepada:

- Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan